

Bina daya tahan hadapi bencana pastikan negara berdaya huni

Oleh Dr Mohd Yusoff Ishak
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan, Jabatan Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia

Banjir di Johor ternyata mengejutkan semua pihak ketika sorotan media terarah ke Turkiye dan Syria yang dilanda bencana gempa. Lebih 40,000 mangsa dipindahkan dengan ribuan lagi terjejas akibat banjir yang turut melanda Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka ketika ini.

Johor pernah dilanda banjir pada November 2022, manakala Sabah mengalami banjir pada masa ini memberi impak terhadap 10,000 penduduk. Disember 2022 juga menyaksikan lima korban banjir dengan lebih 70,000 mangsa dipindahkan di negeri Pantai Timur Semenanjung.

Ketidaktentuan dan kecelaruan bencana ini yang meningkat sejak dekad lalu dengan purata setiap tahun sejak lima tahun lalu amat membimbangkan dan menagih penyelesaian tuntas. Sesuatu harus dilakukan bagaimana Malaysia akan menghadapi bencana seterusnya pada tahun mendatang.

Ikhtiar pemerintah membiaya penyelenggaraan sungai dan parit sambil menyalahkan orang ramai sebagai punca saliran tersumbat seperti bersifat ‘melepas batok di tangga’. Kepelbagaiannya punca banjir memerlukan penyelesaian jangka panjang melangkau beberapa Rancangan Malaysia dan Rancangan Fizikal Negara.

Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP) sebagai strategi pembangunan kebangsaan untuk peningkatan daya tahan dan kesediaan negara menghadapi impak cuaca melampau seperti banjir atau kemarau perlu merangkumi semua sektor dan perlu segera diperhalusi pimpinan negara.

Adalah membimbangkan apabila projek dan rancangan pembangunan berjalan secara ‘business as usual’ dalam pada kita berharap kerajaan menggunakan

pakai Indeks Adaptasi Perubahan Iklim Malaysia.

Langkah mitigasi seperti pengurusan bersepadan lembangan sungai dengan keutamaan kepada tebatan banjir mesra alam, pengukuhan agensi dengan aset dan geran memperkasa persatuan penduduk hanya bersifat jangka pendek.

Berani ambil langkah agresif

Pemerintah harus berani mengambil langkah lebih agresif. Gaya hidup rakyat Malaysia juga harus berubah selari dengan impak dibawa perubahan iklim serta menerima hakikat bahawa kita perlu hidup dalam bencana.

Belanjawan 2023 memperuntukkan lebih RM6.53 bilion, meningkat 8.4 peratus berbanding tahun lalu bagi menggalakkan amalan hijau serta menambah baik pengurusan bencana amat disokong, namun Malaysia harus jujur membezakan keutamaan negara termasuk langkah penyelesaian masalah banjir.

Pelbagai dana antarabangsa tersedia, seperti Dana Iklim Hijau menyediakan sumber kewangan ba-

gi membantu negara dan negeri menghadapi cabaran perubahan iklim.

Hakikatnya, ikhtiar mendepani musibah bencana tidak sepatusnya hanya berkisar mengenai peralatan, aset dan tebatan banjir serta kempen kesedaran pemuliharaan zon penampang tebing sungai semata-mata. Perlu ada tujuan khusus memindahkan kampung dan desa dari zon limpahan banjir.

Langkah kerajaan membantu syarikat mengutamakan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) menerap amalan rendah karbon dalam perniagaan dengan pembentangan RM2 bilion bagi mengupayakan syarikat pemula kemampunan dan teknologi hijau amat dipuji.

Ini selari dengan Laporan Risiko Perubahan Iklim oleh Bank Pembangunan Asia yang jelas memperkatakan degradasi ekosistem kawasan lembangan di Malaysia meningkatkan banjir di hilir, manakala proses perbandaran menghalang fungsi guna tanah kawasan limpahan banjir yang sepatutnya bertindak sebagai penampang banjir.

Namun kerangka ESG dalam khalayak pemodal harus memberi lebih makna kepada masyarakat dan bukan sekadar pemanis kata dalam laporan tahun.

Inisiatif ESG perlu diperluas dengan parameter tempatan serta merangkumi lebih banyak industri dalam usaha menangani punca isu berkaitan perubahan iklim dan bencana.

Mengharap Malaysia terus menikmati suasana aman daripada bencana alam pada masa depan seolah-olah tidak berpijak di bumi nyata. Malaysia harus membentuk acuan sendiri membina daya ketahanan dan kekentalan untuk menjadikan negara ini lebih berdaya huni.

Membangun Malaysia MADANI harus berkisar mengenai langkah pencegahan, mitigasi dan kawalan bencana ketika masyarakat luar bandar semakin lelah dengan bencana banjir saban tahun tanpa sebarang tanda noktah.

